



FAKTOR KRISIS RUMAH TANGGA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Factors Contributing to Marriage and Relationship Breakdown in Brunei Darussalam)

Nazihah Hanni^{1*}, Azme Matali²

¹Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BE1310 Brunei Darussalam

²Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Timbalan Pengarah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BE1310 Brunei Darussalam

*Corresponding Author Email: nazihahhanni@gmail.com

Received: 5 August 2022 • Accepted: 19 April 2023 • Published: 30 April 2023

Abstract

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) offers family advice to couples facing domestic crises, with the aim of reducing the divorce rate and helping couples resolve family issues using Islamic family knowledge. However, the divorce rate continues to increase annually in Brunei Darussalam. This study qualitatively examines the factors contributing to domestic crises and analyzes the statistics of domestic crisis complaints received by BKNK. The study identifies "incomprehension" and "neglect of responsibility" as the dominant factors in Brunei Darussalam. While BKNK has played a role in handling domestic crises by creating awareness through the Pre-Marriage Course, the study recommends the establishment of a Post-Marriage Course to promote harmonious Islamic family institutions. Furthermore, the establishment of a panel on the social studies of Muslims is recommended to survey the true causes of married couples' disagreements. This study aims to contribute to reducing the divorce rate in Brunei Darussalam by highlighting the importance of understanding the factors contributing to domestic crises and promoting Islamic family values.

Keywords: Divorce; Domestic Crisis; Family Institution; Islamic Family Knowledge

Abstrak

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) menawarkan nasihat keluarga kepada pasangan yang mengalami krisis rumah tangga, dengan tujuan mengurangkan kadar perceraian dan membantu pasangan menyelesaikan isu keluarga dengan pengetahuan keluarga Islam. Namun, kadar perceraian terus meningkat

setiap tahun di Brunei Darussalam. Kajian ini secara kualitatif mengkaji faktor yang menyumbang kepada krisis keluarga dan menganalisis statistik aduan krisis keluarga yang diterima oleh BKNK. Kajian mengenal pasti "ketidakhafahaman" dan "pengabaian tanggungjawab" sebagai faktor utama di Brunei Darussalam. Walaupun BKNK memainkan peranan dalam menangani krisis keluarga dengan meningkatkan kesedaran melalui Kursus Pra-Perkahwinan, kajian mengesyorkan penubuhan Kursus Pasca-Perkahwinan untuk menggalakkan institusi keluarga Islam yang harmoni. Selain itu, penubuhan panel kajian sosial umat Islam disyorkan untuk mengkaji punca sebenar perselisihan antara pasangan yang berkahwin. Kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada pengurangan kadar perceraian di Brunei Darussalam dengan menekankan kepentingan memahami faktor yang menyumbang kepada krisis keluarga dan menggalakkan nilai-nilai keluarga Islam.

Kata kunci: Perceraian; Krisis domestik; Institusi Keluarga; Pengetahuan keluarga Islam

Cite as: Hanni, N., Matali, A. (2023). Factors Contributing to Marriage and Relationship Breakdown in Brunei Darussalam: A Statistical Study and Analysis. *Asian People Journal*, 6(1), 93-110.

PENGENALAN

Islam mempunyai tatacara tersendiri untuk menjaga kemaslahatan hidup dan untuk memastikan kualiti sesebuah rumah tangga yang dibina dalam suasana harmoni dan diredhai Allah *Subhanahu Wata'ala*. Menurut Zahrah (1957) dan al-Ashqar (2006), perkahwinan itu ialah tiang kekukuhan sesebuah keluarga yang boleh membawa kepada kemunculan hak-hak dan kewajipan dan berlandaskan kepada agama. Allah SWT berfirman dalam Surah *ar-Rūm* ayat 21:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”.

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT telah menciptakan sebaik-baik pasangan untuk menciptakan ketenangan dan membina keluarga yang *sakinah mawaddah warahmah*. Jika berlaku permasalahan dalam keluarga, pasangan mestilah berkomunikasi dengan baik dan memiliki pemikiran matang serta bijak dalam membuat keputusan supaya terbentuklah keluarga *sakinah*.

Akan tetapi, kenyataan yang terjadi dalam masyarakat, perkahwinan boleh berakhir dengan terjadinya perceraian antara suami isteri. Akhirnya tujuan *sakinah, mawaddah* dan *rahmah* dalam perkahwinan tidak berlaku. Menurut Rahman (1993), Islam menghalalkan perceraian tetapi ia merupakan perkara halal yang paling dibenci oleh Allah SWT. Islam mengharuskan perceraian jika pertelingkahan antara suami isteri semakin memburukkan lagi keadaan. Jika situasi bertambah buruk dalam sebuah rumah tangga, pasangan harus mencari perdamaian melalui campur tangan orang perantaraan bersesuaian dengan aturan yang disarankan oleh Islam sebagaimana dalam firman Allah SWT di dalam Surah *al-Nisa*: 35:

“Kalau takut-takut perselisihan antara kedua-dua suami isteri hendaklah kamu dapatkan seorang hakim daripada keluarga lelaki dan seorang hakim dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua hakim itu menghendaki perdamaian, nescaya Allah s.w.t. akan memberikan taufiq kepada kedua-dua suami isteri itu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui”.

Dalam konteks masyarakat Islam di Brunei secara praktikalnya, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) dipertanggungjawabkan untuk menangani masalah institusi kekeluargaan yang bersangkut paut dengan hal ehwal Kursus Pra Nikah, aduan Mal (khidmat nasihat permohonan cerai dan tuntutan cerai) dan pendaftaran permohonan poligami dan taklimat mengenainya (Kementerian Hal Ehwal Ugama KHEU, 2021). Ia juga berperanan untuk mendamaikan pasangan yang sedang berhadapan dengan krisis rumah tangga di samping mencegah mereka daripada meneruskan proses perceraian. Justeru, BKNK memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan permasalahan rumah tangga di kalangan masyarakat Brunei.

Penyataan Masalah

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) di Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) kini mengalami fenomena membimbangkan dengan peningkatan kadar perceraian. Ini adalah berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh Mahkamah Syariah, jumlah perceraian terus dalam enam tahun kebelakangan ini telah mencatatkan sebanyak 550 kes perceraian (2016), sebanyak 587 kes perceraian (2017), sebanyak 522 kes (2018) dan meningkat kepada 624 kes (2019), sebanyak 583 kes pada tahun (2020) dan menurun kepada 397 kes (2021). Berikut dikemukakan statistik perceraian yang di rekod bermula pada tahun 2016 sehingga tahun 2021 di Negara Brunei Darussalam:

Jadual 1: Statistik Perceraian Penduduk Islam mengikut Daerah Tahun 2016-2021

Daerah/ Tahun	2016	2017	2018	2019	2020	2021	Jumlah
Brunei Muara	369	436	358	459	459	276	2281
Belait	88	97	79	82	82	57	422
Tutong	80	54	69	73	90	56	492
Temburong	12	23	14	8	7	7	61
Luar Negeri	1	0	2	2	1	1	7
Jumlah	550	587	522	624	583	397	3263
Kadar purata setiap tahun (%)	16.9	18.0	16.0	19.1	17.9	12.2	

Sumber: Bahagian Penyelidikan Mahkamah Rayuan Syariah (2022)

Berdasarkan jadual 1, kes perceraian yang paling tinggi dicatatkan sebanyak 624 kes (2019) dengan kadar 19.1% dan kes perceraian paling terendah dicatatkan sebanyak 397 kes (2021) dengan kadar 12.2%. Sepanjang tahun 2016 sehingga 2021, peningkatan jumlah kes perceraian adalah tidak sekata dan peningkatan yang sangat ketara adalah 522 kes (2018) kepada 624 kes (2019) dengan kadar peningkatan sebanyak 3.1%. Sementara itu, penurunan kes perceraian adalah daripada 583 kes (2020) kepada 397 kes perceraian (2021) dengan kadar 5.7%. Sepanjang enam tahun kebelakangan, jumlah perceraian di negara Brunei dilihat semakin meningkat bermula pada tahun 2016 sehingga 2019, dan mula menunjukkan penurunan jumlah perceraian bermula pada tahun 2020.

Daripada jumlah kes perceraian ini, Daerah Brunei Muara mencatatkan kadar perceraian yang berlaku sebanyak 70.0% sepanjang tahun 2016 hingga 2021, peningkatan yang sangat membimbangkan jika dibandingkan dengan daerah-daerah yang lain; iaitu Daerah Belait sebanyak 12.9%, Daerah Tutong sebanyak 15.1% dan Daerah Temburong sebanyak 1.9%. Menurut Ketua Hakim Syarie, Awang Haji Besar (2021), beliau mendedahkan bahawa keruntuhan rumah tangga mengakibatkan angka perceraian semakin meningkat. Menurutny lagi, angka ini menunjukkan seolah-olah perkahwinan tidak dipandang serius dan menunjukkan persiapan serta persediaan suami isteri ke arah keluarga sakinah dan mawaddah belum mencukupi. Apabila pasangan menghadapi krisis rumah tangga, keharmonian rumah tangga boleh tergugat. Seterusnya, perceraian boleh berlaku apabila tiada penyelesaian dilakukan. Menurut amalan perundangan di Brunei, pada kebiasaannya pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga akan menghadapkan aduan mereka terlebih dahulu ke BKNK bagi mendapatkan nasihat. Berdasarkan peruntukan di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Penggai 217) Bab 42 cerai (e), ada dinyatakan bahawa setiap pasangan perlu menghadiri sesi Khidmat Nasihat Keluarga ketika ingin menyerahkan permohonan perceraian ke Mahkamah Syariah (Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217). Dalam hal ini, BKNK memainkan peranan sebagai pendamai bagi pasangan yang ingin bercerai. Peningkatan fenomena perceraian ini dapat difahami dengan jelas bahawa fenomena krisis rumah tangga semakin berleluasa di Negara Brunei Darussalam. Maka, tujuan kajian ini adalah bagi mengkaji faktor yang menyebabkan berleluasanya krisis rumah tangga.

Teori Masalah Keluarga

Menurut Coleman dan Cressey (1993), terdapat tiga pendekatan atau teori berkaitan dengan masalah keluarga, iaitu:

Teori Peranan (Functionalist)

Daripada perspektif teori peranan, keluarga bermasalah berpunca daripada ketidakstabilan dalam institusi keluarga akibat perubahan sosial. Perubahan sosial berlaku apabila sumber ekonomi masyarakat yang mengamalkan sistem pertanian berubah kepada perindustrian. Perubahan ini menyebabkan bentuk keluarga “*extended*” berpecah dan terbentuknya sistem keluarga “*nuclear*”. Dalam proses melaksanakan aktiviti perindustrian inilah, institusi keluarga didapati gagal memberikan didikan dan penjagaan anak-anak dengan sempurna. Teori ini menerangkan juga bahawa integrasi sosial adalah sebahagian daripada peraturan perlu dalam unsur kehidupan (Dickinson dan Leming, 1995). Setiap seorang adalah bahagian daripada kumpulan yang mempunyai peraturan tertentu tentang perlakuan kumpulan berkenaan.

Teori Konflik

Teori konflik mentakrifkan keluarga bermasalah berpunca daripada konflik atau pergeseran nilai dan tingkah laku ahli keluarga. Teori ini menerangkan bahawa masyarakat tidak stabil dan ahli kumpulan bertanding untuk punca dan khidmat yang berkurangan. Sebagai contoh adanya ketegangan antara masyarakat kelas rendah atau golongan miskin dengan golongan kelas tinggi. Golongan miskin tidak mendapat peluang yang sama untuk belajar boleh menjadi punca konflik. Penderaan yang berlaku adalah akibat keadaan keluarga yang tidak stabil. Kewangan yang tidak mencukupi boleh memberi kesan negatif (konflik) dalam perhubungan keluarga. Menurut Benokraitis (1995), teori ini menerangkan berbagai kesengsaraan keluarga adalah akibat daripada masalah sosial yang berleluasa. Mengikut teori ini, perbezaan kuasa adalah punca berlakunya kekerasan (Dickinson & dan Leming, 1995). Keluarga yang tidak membahagikan kuasa secara sama rata contohnya keluarga didominasi oleh kaum lelaki mempunyai risiko yang tinggi untuk berlakunya kekerasan dalam rumah tangga.

Teori Psikologi Sosial

Teori ini mendapati adanya kaitan antara kegagalan ibu bapa mendidik anak dengan masalah mental dan perlakuan juvana. Masalah keluarga berpunca daripada sikap ibu bapa yang mengabaikan dan membezakan anak mereka serta mendidik dengan menggunakan cara kekerasan seperti memukul dan merotan anak mereka.

Peristiwa trauma yang dialami di zaman kanak-kanak didapati boleh memberi kesan buruk dalam kehidupan di zaman dewasa kelak. Pendidikan keluarga sama ada positif atau negatif tidak dinafikan akan mempengaruhi konsep diri seseorang. Konsep ini dijadikan panduan semasa bertindak balas sehingga mempengaruhi tingkah laku. Contohnya, jika berlaku konflik dan pergeseran dalam proses pendidikan keluarga, maka ia akan menimbulkan kesan negatif seperti perhubungan tidak harmoni sesama ahli keluarga.

Teori ini menjelaskan perlakuan seseorang diasaskan kepada imej yang diharapkan olehnya bukan daripada keadaan nyata yang sebenar (Dickinson & dan Leming, 1995). Individu membina dirinya yang sebenar dan bertindak mengikut imej yang dibina itu. Seorang wanita misalnya, percaya boleh dipukul jika perlakuannya tidak mencapai seperti yang diharapkan oleh suaminya.

METODOLOGI

Pendekatan yang dipilih untuk diaplikasikan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif boleh didefinisikan sebagai satu prosedur penyelidikan yang menghasilkan gambaran data yang boleh difahami (Lexy, 2018). Data bagi kajian ini didapati menerusi metode dokumentasi dan temu bual. Metode dokumentasi melibatkan data berbentuk dokumen, pamflet atau statistik kes atau statistik aduan diperolehi daripada pihak BKNK dan penulisan yang berkaitan dengan permasalahan rumah tangga. Metode ini digunakan bagi menyokong dapatan hasil dari temu bual.

Disebabkan penyelidikan yang dijalankan ini berbentuk kualitatif, maka alatan yang digunakan adalah dengan melakukan temu bual mendalam (*in-depth interview*). Temu bual merupakan sesuatu cara yang berupaya memindahkan maklumat yang tulen (Sang, 2009). Temu bual semi-struktur digunakan dalam penulisan ini dan soalan yang dikemukakan kepada responden pula disusun dan dijadualkan untuk memberikan responden kelonggaran semasa memberi jawapan, soalan mungkin diubahsuai dari segi susunan dan cara menyoal agar lebih fleksibel (Mohd Noah, 2002). Topik ditentukan oleh penyelidik sendiri untuk digunakan semasa temu bual, ia berfungsi sebagai garis panduan kepada penyelidik agar proses pengumpulan data berjalan lancar dan lebih fokus kepada persoalan kajian yang ingin dikaji. Kaedah ini digunakan bagi memperoleh maklumat dengan lebih banyak dan mendalam daripada responden berkaitan faktor krisis rumah tangga berasaskan kepada aduan yang diterima di BKNK.

Pengumpulan data melalui temu bual semi-struktur dijalankan dengan menggunakan sampel bertujuan. Oleh itu, temu bual dilakukan bersama responden yang terdiri daripada pegawai di BKNK yang terlibat secara langsung berkaitan kajian. Penyelidik telah menemu bual responden berdasarkan soalan yang telah dibina secara semi-struktur. Sesi temu ramah semi-struktur secara mendalam dirakamkan, dilakukan transkripsi dan dianalisis secara analisis deskriptif dan tematik. Temu bual ini dilakukan selepas membuat temu janji yang telah dipersetujui bersama semua informan yang ditemu bual telah membenarkan temu bual ini direkodkan dan pengkaji memilih untuk merekodkan temu bual. Perakam suara digunakan sebagai alat rakaman bagi menjalankan temu bual dalam

kajian ini, tujuannya adalah membolehkan rekod yang kekal dan membenarkan pengkaji menumpukan perhatian kepada temu bual tersebut. Data temu bual dikumpul dan ditranskripikan dengan menggunakan *Microsoft Word*. Pengkaji hanya perlu mengenal pasti isi-isi penting dan kandungan utama temu bual secara analisis kandungan dan deskriptif. Seterusnya, data-data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik (Corbin et al., 2008).

Analisis secara tematik menggunakan '*six steps of thematic analysis*' bagi menganalisis transkripsi temu ramah (Braun & Clarke, 2006; 2017) Enam langkah yang disarankan sangat praktikal dan berguna bagi melaksanakan analisis tematik ini (Maguire & Delahunt, 2017). Rajah berikut menunjukkan enam langkah analisis tematik seperti yang diperkenalkan oleh (Braun & Clarke, 2006) yang menjadi panduan melaksanakan kajian ini.

- Membiasakan diri dengan data (*Familiarize yourself with your data*).
- Meletakkan kod awal bagi data untuk menjelaskan kandungan (*Assign preliminary codes to your data to describe the content*).
- Mencari paten atau tema-tema dalam kod merentasi pelbagai sesi temu ramah (*Search for patterns or themes in your codes across the different interviews*).
- Menilai semula tema-tema (*Review themes*).
- Mendefinisikan dan menamakan tema-tema (*Define and name themes*).
- Menyediakan laporan (*Produce your report*).

Rajah 1: Enam langkah Analisis Tematik (Braun & Clarke, 2006)

Analisis secara tematik (*Thematic Analysis*) digunakan kerana ia mampu menyediakan prosedur yang sistematik dan boleh dicapai untuk mewujudkan kod dan tema daripada data kualitatif (Braun & Clarke, 2006). Kod merupakan unit analisis terkecil yang diambil daripada ciri-ciri menarik data yang berpotensi dan relevan dengan persoalan kajian. Kod merupakan blok binaan tema, yang menggambarkan paten makna, disokong oleh konsep yang dibina secara berpusat iaitu idea teras yang dikongsi bersama. Tema-tema kemudian menjadi satu rangka bagi tujuan menyusun dan melaporkan pemerhatian pengkaji secara analitikal.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa masyarakat Brunei telah menghadapi fenomena krisis rumah tangga yang serius pada tahun 2019 dengan menerima sebanyak 813 aduan. Berdasarkan pengamatan penyelidik, terdapat beberapa faktor yang menjadi titik tolak berlakunya krisis rumah tangga di kalangan masyarakat Brunei.

Hasil dapatan daripada kesemua responden kajian menyatakan bahawa faktor 'ketidaksefahaman' dan 'pengabaian tanggungjawab' merupakan faktor dominan yang berlaku di Negara Brunei Darussalam. Melalui kajian (KPKM-5, 2014) turut mendapati faktor utama berlaku perceraian adalah kerana tidak wujud persefahaman. Dalam kajian Haji Ismadi et al., (2019), menyatakan faktor tiada persefahaman antara suami isteri di kalangan masyarakat melayu Islam adalah disebabkan pasangan yang tidak sekufu (*kafa'ah*). Ini kerana pasangan yang tidak sekufu memiliki jurang usia agak jauh, perbezaan agama, status, pekerjaan serta warganegara, kesemua ini boleh menjadi punca pada tercetusnya konflik dalam rumah tangga. Hal ini menunjukkan bahawa untuk menghindari masalah tiada persefahaman antara suami isteri, pemilihan pasangan yang betul dan tepat akan dapat menimbulkan elemen positif dalam rumah tangga.

Faktor pengabaian tanggungjawab antara faktor dominan penyebab berlakunya krisis rumah tangga. ini selari dengan kajian Abd. Majid dan Saleh Hudin (2017) yang menyatakan pengabaian tanggungjawab merupakan faktor luaran utama mencetuskan berlakunya krisis rumah tangga. Oleh itu, pihak suami mesti memberikan komitmen serius dalam isu pemberian nafkah (Shabuddin et al., 2016).

Faktor yang menyebabkan krisis rumah tangga jika tidak dicari cara untuk mengatasinya, maka masalah perceraian akan semakin meningkat yang mana ia akan lebih banyak membawa kesan negatif berbanding dengan yang positif kepada mereka yang terlibat: suami, isteri, anak dan kedua belah keluarga, kesan ini tidak akan terhenti di situ sahaja sebaliknya ia mungkin mengakibatkan masalah sosial yang serius kepada masyarakat. Ini selari dengan kajian (Mazlan, 2010) yang menyatakan kesan daripada perceraian boleh menyebabkan keretakan sesebuah keluarga. Berikut adalah statistik aduan rumah tangga yang direkod bermula pada tahun 2016 hingga 2021 bagi seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam.

Jadual 2: Statistik Aduan Masalah Rumahtangga dari tahun 2016-2021

Jumlah Aduan Masalah Rumahtangga 2016-2021						
Tahun	Brunei/Muara	Belait	Tutong	Temburong	Jumlah	Kadar Purata (%)
2016	474	102	128	20	724	16.9
2017	567	109	95	9	780	18.2
2018	512	87	119	17	735	17.2
2019	520	130	150	13	813	19.0
2020	483	110	73	9	675	15.8
2021	390	81	76	9	556	13.0
Jumlah	2,946	619	641	77	4,283	
Kadar Purata (%)	68.6	14.4	15.2	1.8		

Sumber: Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga BKNK (2021)

Berdasarkan jadual 2, semenjak 5 tahun kebelakangan, didapati aduan yang diterima pada tahun 2019 telah mencatatkan jumlah aduan tertinggi sebanyak 813 dengan kadar 19.0%. Manakala pada tahun 2017, mencatatkan jumlah aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 780 dengan kadar 18.2%. Adapun pada tahun 2021 telah mencatatkan jumlah aduan paling rendah iaitu dengan jumlah aduan sebanyak 556 dengan kadar 13.0%. Pada tahun 2021, menampakkan penurunan yang ketara daripada jumlah sebanyak 813 aduan pada tahun 2019 kepada jumlah kadar aduan sebanyak 556 aduan, iaitu penurunan sebanyak 6% telah dicatatkan. Aduan yang diterima ini membawa maksud bahawa banyak pasangan telah menghadapi aduan mereka ke BKNK bagi mendapatkan perkhidmatan nasihat keluarga sebagai usaha untuk menyelesaikan krisis rumah tangga. Pasangan yang menghadapi aduan krisis rumah tangga bukan sahaja sekadar mengadu masalah rumah tangga bahkan pada masa yang sama, mereka memerlukan bantuan dalam bentuk sokongan dan nasihat apabila berdepan dengan krisis rumah tangga. Ini bertepatan dengan kajian Kausyliene et al. (2015) ada menyatakan bahawa keluarga yang sedang berhadapan dengan krisis memerlukan bantuan profesional dari segi pendidikan, psikologi, perubatan, undang-undang dan sokongan sebagai peranan dan perundingan.

Adapun di antara keempat-empat daerah, Daerah Brunei Muara merupakan daerah yang paling banyak menerima aduan krisis rumah tangga sepanjang tahun 2016 sehingga 2021 iaitu sebanyak 2,946 aduan dengan

kadar 68.6%. Manakala Daerah Temburong adalah daerah yang paling sedikit menerima aduan iaitu sebanyak 77 aduan dengan kadar 1.8%. Secara keseluruhannya, statistik ini telah memaparkan peningkatan aduan yang tidak sekata namun peningkatan yang ketara adalah dari tahun 2018 sebanyak 735 aduan dengan kadar 17.2% kepada jumlah aduan sebanyak 813 dengan kadar 19.0% pada tahun 2019.

Faktor berlaku krisis rumah tangga

Berikut adalah faktor berlakunya krisis rumah tangga berdasarkan aduan yang direkodkan di BKNK bermula tahun 2016 hingga 2021.

Jadual 3: Statistik Sebab-Sebab Aduan Rumah tangga (2016-2021)

Sebab-Sebab Aduan	2016	2017	2018	2019	2020	2021	Jumlah
Ketidaksefahaman	240	173	166	204	206	172	1,161
Pengabaian Nafkah / Tanggungjawab	148	143	114	122	131	94	751
Hubungan Dengan Orang Lain	60	99	82	87	47	44	419
Keganasan Dalam Rumahtangga/Kes Pukul	35	49	32	43	22	18	199
Masalah Berpoligami	12	7	8	8	2	2	39
Suami Atau Isteri Balik Ke negara Asal/ Ghaib/ Ditinggalkan	16	25	19	21	34	17	132
Terlibat Dengan Dadah/ Minuman Keras.	23	14	25	19	17	7	105
Masuk Penjara/ Islah	24	12	22	22	15	10	105
Isteri Tidak Taat./ Isteri Keluar Rumah Tanpa Izin	40	60	80	58	27	22	287
Suami Panas Baran/ Pemarkah	33	16	25	25	21	14	120
Campurtangan Pihak Keluarga	20	7	11	3	4	3	48
Sering Bertengkar	42	49	36	50	16	33	226
Tinggal Berasingan/ Tidak Bersama dalam Tempoh Yang Lama	0	69	60	80	58	43	310
Sebab-Sebab Lain	31	57	55	71	75	77	366
Jumlah	724	780	735	813	675	556	4,283
Peratus (%)	16.9	18.2	17.2	19.0	15.8	13.0	

Sumber: Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga BKNK (2021)

Faktor ketidaksefahaman

Berdasarkan jadual 3, faktor ketidaksefahaman mencatatkan aduan tertinggi dengan jumlah sebanyak 1,161 aduan. Menurut Haji Ismadi et al. (2019) dan Sofri (2010) dalam penulisan mereka mendapati bahawa antara sebab berlakunya faktor ketidaksefahaman adalah berpunca daripada faktor utama iaitu permasalahan kufu, terutama perceraian yang melibatkan pasangan yang memiliki jurang usia yang agak jauh, perkahwinan dalam usia yang

muda, serta perbezaan dari sudut agama, budaya dan warganegara. Menurut temu bual bersama pegawai di BKNK ada menyatakan;

“Ketidaksefahaman boleh berpunca dari sebab-sebab yang berbeza, contohnya badan berbau, suami tua, pengotor, merokok, tidak pandai memasak, tidak mandi, pasangan cerewet. Masalah-masalah remeh seperti ini boleh menjadi sebab berlakunya ketidaksefahaman.” (Responden 1)

Kenyataan ini disokong oleh kajian Haji Yussof (2018) yang menyatakan bahawa ketidaksefahaman di kalangan masyarakat Brunei boleh berlaku disebabkan oleh umur yang berbeza, pendidikan yang berbeza, perbezaan pendapat, kehendak, sikap dan gaya yang berbeza dan perkara utama menyebabkan tiada persefahaman adalah kegagalan berkomunikasi secara baik. Ini memperlihatkan ketidaksefahaman dalam sebuah rumah tangga boleh berpunca daripada beberapa sebab yang berbeza. Oleh kerana itu, kadar jumlah aduan disebabkan ‘ketidaksefahaman’ dicatatkan lebih tinggi berbanding aduan yang lain.

Faktor tanggungjawab dan pengabaian nafkah

Faktor tanggungjawab dan kewajipan merupakan faktor kedua tertinggi aduan dikemukakan iaitu sebanyak 751 aduan sepanjang lima tahun. Tanggungjawab adalah sesuatu yang penting dalam rumah tangga sama ada tanggungjawab seorang suami kepada isteri, begitu juga sebaliknya tanggungjawab seorang suami terhadap isterinya.

“Kebanyakan kes berkaitan dengan pengabaian nafkah berlaku disebabkan suami kurang memahami mengenai konsep nafkah” (Responden 2)

“Isteri diberikan belanja tapi hanya untuk membeli barang-barang keperluan dapur (groceries), isteri juga mempunyai keinginan untuk membeli barang-barang keperluan sendiri seperti alat solek, barang hiasan persendirian, baju” (Responden 1)

Ini menunjukkan kurangnya persediaan dengan ilmu-ilmu asas berkaitan perkahwinan boleh menjejaskan perhubungan suami isteri. Perkara ini disokong dalam kajian meta analisis Carrol dan Doherty (2003) yang menyatakan bahawa perkahwinan yang kukuh akan diperolehi jika individu tersebut komited sebelum berkahwin dan untuk mengukuhkan perkahwinan, maka individu tersebut perlu terlibat dalam program pra perkahwinan, yang mana dalam kajian mereka mendapati bahawa secara purata individu yang terlibat dalam program pra perkahwinan secara signifikan 70% lebih baik dalam aspek kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan konflik dan kualiti hubungan secara keseluruhannya. Oleh itu, mengikuti program pra nikah dilihat sangat wajar kerana ia mampu mempersiapkan seseorang itu sebelum melangkah ke alam rumah tangga.

Faktor disebabkan hubungan dengan orang lain

Faktor hubungan dengan orang lain turut menjadi antara sebab berlakunya krisis rumah tangga. Menurut statistik, aduan disebabkan hubungan dengan orang lain mencatatkan sebanyak 419 aduan telah diterima dari tahun 2016 hingga 2021. Manakala, statistik menunjukkan faktor disebabkan campur tangan pihak keluarga adalah sebanyak 48 aduan yang diterima dalam tempoh 5 tahun. Menurut Zaini (2014), hubungan dengan orang ketiga boleh menyebabkan berlakunya perbalahan dan konflik berpanjangan sehingga membawa kepada perceraian. Kebiasaannya, orang ketiga memujuk, menghalang serta menghasut suami isteri untuk mengabaikan tanggung

jawab mereka. Responden penyelidikan ini turut menyatakan hal yang sama bahawa pengaruh luar seperti campur tangan keluarga dan mempunyai hubungan dengan orang lain memainkan peranan dalam memporak perandakan rumah tangga. Apabila berlaku campur tangan orang ketiga ataupun kehadiran orang ketiga dalam rumah tangga, pengabaian dalam melaksanakan tanggungjawab akan berlaku kerana sibuk meluangkan masa bersama kekasih baru. Oleh itu, dalam perhubungan suami isteri mestilah wujud sikap kewaspadaan agar mampu menepis pengaruh dari luar.

“Apabila kami selidiki sebab si suami menghadapi aduan, rupa-rupanya ada hubungan dengan perempuan lain.” (Responden 2)

“Jika terdapat campurtangan keluarga dalam rumah tangga, maka susah sedikit bagi pasangan suami isteri tersebut untuk berbaik.” (Responden 3)

Faktor keganasan rumah tangga

Negara Brunei tidak terkecuali berhadapan dengan pelbagai bentuk masalah sosial termasuklah berlakunya keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga merupakan masalah gender dan berkaitan sensitiviti moral yang dilihat melanggar hak-hak kemanusiaan serta melibatkan kerugian kos yang sangat besar dari aspek sosial, ekonomi dan kesihatan sesebuah negara (WHO, 2001). Menurut Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, antara sebab berlaku keganasan rumah tangga adalah disebabkan oleh kesusahan ekonomi (Wan Mohamad Sahran, 2021). Menurut statistik BKNK, aduan yang diterima disebabkan keganasan rumah tangga telah mencatatkan sebanyak 199 aduan. Pada kebiasaannya masalah keganasan rumah tangga mendatangkan impak negatif dari pelbagai sudut. Mangsa pula bukan sahaja menerima kesan negatif dari segi kecederaan fizikal, bahkan kesan psikososial yang merangkumi mental dan emosi boleh mempengaruhi kefungsi sosial dalam menjalani kehidupan seharian (Yusof, 2017).

“Keganasan rumah tangga yang berlaku antara suami isteri kadang-kadang yang datang sini ada yang sangat teruk/parah, ada yang bukan pada tahap yang membimbangkan. Kalau sangat teruk atau parah, mereka perlu laporkanlah terlebih dahulu ke hospital dan polis untuk dapatkan laporan sebagai bukti yang akan digunakan nanti” (Responden 2)

Faktor kurang didikan agama

Krisis rumah tangga boleh berlaku disebabkan isteri tidak taat isteri keluar tanpa izin, statistik menunjukkan masalah isteri tidak taat/keluar tanpa izin suami sebanyak 287 aduan dan masalah suami panas baran/pemarah mencatatkan sebanyak 120 aduan. Ini boleh berpunca daripada kurangnya pendidikan asas dalam agama, dan ini jelas menunjukkan pasangan belum bersedia untuk memikul tanggungjawab yang sebenar sebagai suami isteri. Menurut Majid et al. (2020), kurang berpegang dengan ajaran agama ekoran kekurangan pengetahuan dan pendidikan agama dan menjalani kehidupan budaya sosial yang liar boleh menyumbang kepada berlakunya krisis rumah tangga. Jika suami seorang yang berpegang dengan ajaran Islam, aspek pemberian nafkah dan tanggungjawab tidak akan terabai. Menurut Yusof (2017) pula, jika suami tiada mempunyai daya kepimpinan dalam menerajui rumah tangga disebabkan tidak ada pendidikan dan pengetahuan agama akan mengakibatkan krisis rumah tangga, keadaan akan bertambah buruk apabila isteri juga tidak memiliki latar belakang agama yang kuat. Dalam keadaan ini, masing-masing tidak akan menemui jalan keluar yang sihat selain perceraian. Responden dalam kajian ini turut menyatakan hal yang sama mengenai betapa pentingnya didikan agama dalam rumah tangga.

“Hukum Allah itu tidak boleh diambil sambil lewa, perlu difahami betul-betul apakah hak-hak dan tanggungjawab sebagai suami isteri yang digariskan dalam agama Islam.”
(Responden 3)

Justeru, didikan agama memberi pengaruh yang besar dalam perkahwinan. Ini dibuktikan oleh kajian Dollahite et al. (2007) yang menyatakan bahawa agama memberi pengaruh pada perkahwinan melalui peningkatan nilai-nilai moral dan kualiti hubungan yang mampu menjamin kebahagiaan keluarga serta menghindarkan pasangan daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh tuhan. Ini selari dengan kajian Robinson (1994) yang menyatakan agama boleh memberi kesan kepada kestabilan rumah tangga melalui bimbingan moral dan juga pertumbuhan sosial, emosi dan rohani yang baik dalam kalangan suami isteri.

Faktor komunikasi

Komunikasi antara suami isteri jika bukan pada tahap yang memuaskan akan menyebabkan pasangan selalu bertengkar. Statistik mencatatkan sebanyak 226 aduan disebabkan pertenggaran berlaku antara suami isteri sepanjang 5 tahun. Hakikatnya, komunikasi antara suami isteri boleh meningkatkan kualiti dan keharmonian rumah tangga serta mengurangkan beban dan tekanan yang dialami oleh kedua pasangan (Ledermann et al., 2010). Temu bual bersama pegawai di BKNK menjelaskan;

“Kadang kala suami isteri menggunakan bahasa-bahasa kasar sesama mereka, tidak ingin untuk mengambil tahu akan keadaan dan apa yang dilakukan oleh pasangan mereka, berkomunikasi hanya atas talian dan sebagainya boleh menyebabkan berlakunya krisis rumah tangga”. (Responden 4)

“Jadi komunikasi antara suami isteri itu memainkan peranan yang penting, ia kunci kebahagiaan rumah tangga” (Responden 2)

Ini menunjukkan bahawa komunikasi memainkan peranan penting dalam menstabilkan perhubungan antara suami isteri, seperti mana dalam kajian Che Ismail (2006) menyatakan bahawa interaksi ataupun komunikasi antara pasangan suami isteri merupakan satu elemen penting dalam menstabilkan rumah tangga pada zaman ini. Menurut Cherni (2013), bagi mengelakkan berlaku krisis rumah tangga, suami isteri harus memiliki komunikasi yang baik dan lancar agar dapat saling memahami antara satu dengan yang lain. Akan tetapi penggunaan komunikasi perlu menggunakan cara yang betul agar masalah tidak timbul. Masalah komunikasi juga boleh menjadi pencetus faktor lain. Menurut Dew dan Stewart (2012), masalah komunikasi dalam sesebuah rumah tangga boleh membawa kepada berlaku masalah kewangan, seterusnya akan menjadi faktor berlakunya krisis rumah tangga. Justeru, suami isteri perlu berkomunikasi sesama mereka dengan menggunakan komunikasi positif kerana ia akan memberikan pengaruh sangat besar kepada kualiti perkahwinan.

Sementara itu, pengaruh penggunaan teknologi hari ini seperti internet dan telefon bimbit sebagai pemudah cara untuk berkomunikasi boleh mengundang pelbagai masalah baru. Sementara itu, menurut Othman (2020) di peringkat global, Brunei Darussalam adalah negara keempat yang mempunyai penembusan media sosial tertinggi iaitu 94 peratus dengan jumlah pengguna seramai 410,000 orang. Ini menunjukkan penggunaan teknologi mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap masyarakat Brunei. Satu kajian mendapati bahawa pasangan suami isteri lebih selesa menggunakan khidmat pesanan ringkas iaitu menggunakan cara ‘membaca’ dan bukan secara

berhadapan yang tentunya melibatkan riak wajah serta bahasa tubuh boleh menimbulkan salah faham dalam komunikasi (Awang Haji Besar, 2021). Sedangkan Rasulullah S.A.W menyatakan dalam sabda Baginda dalam menjelaskan mengenai kerukunan sesebuah rumah tangga seperti mana berikut, yang mengandungi maksud: *“Sebaik-baik perempuan adalah perempuan yang ketika kamu melihatnya ia membahagiakanmu, saat kamu memerintahkannya ia mentaatimu dan saat kamu tidak ada maka ia akan menjaga harta dan dirinya.”* (Hadith Riwayat an-Nasa’I di dalam Sunan al-Kubra) Penggunaan teknologi tidak dihalang dalam Islam, akan tetapi penggunaannya perlu dikendalikan dengan baik supaya ia tidak akan menjadi punca berlaku krisis rumah tangga.

Faktor sebab-sebab lain

Adapun aduan yang disebabkan oleh faktor ‘sebab-sebab lain’ seperti mana dalam catatan statistik jadual 3, menghimpunkan jumlah sebanyak 366 aduan. Menurut pegawai di BKNK semasa ditemu bual;

“Sebab lain-lain’ yang dinyatakan dalam statistik adalah dalam jumlah bilangan yang sedikit, sebagai contoh sumbang mahram” (Responden 1)

“Kes-kes aib, perkara sensitif, kes-kes seperti ini tidak diperincikan di dalam statistik aduan Mal di BKNK” (Responden 2)

Perlakuan tidak bermoral

Menurut Asghar & Jelili (2018), sebab lain yang boleh membawa kepada krisis rumah tangga termasuklah aktiviti dan perilaku golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), jika seseorang individu terlibat dalam perlakuan yang tidak bermoral, secara tidak langsung kesan daripada perbuatannya boleh menyebabkan berlaku ketidakharmonian dalam kehidupan rumah tangga.

Sumbang mahram

Sumbang mahram merupakan kegiatan penganiyaan seksual yang boleh merosakkan mangsa dari segi fizikal dan juga kesihatan mental. Kegiatan sumbang mahram merupakan salah satu faktor penyebab kepada kerosakan nasab atau keturunan (Othman & Aziz, 2004). Sumbang mahram atau inses (incest) boleh didefinisikan sebagai perhubungan seksual antara seorang lelaki dan perempuan yang dilarang bernikah oleh adat dan agama. Gejala ini dianggap besar kerana melampaui batas-batas kemanusiaan dan keinsanan sama ada daripada kaca mata manusia mahupun agama. Hal ini dipersetujui oleh responden yang mengatakan bahawa perbuatan sumbang mahram boleh membawa kepada kerosakan rumah tangga kerana ia dilihat sebagai perbuatan yang melampaui batas sebagai seorang Muslim. Perbuatan sumbang mahram dianggap sebagai sesuatu yang aib untuk diperkatakan, maka ia tidak diperincikan di dalam statistik aduan.

“Ada satu kes melibatkan anak perempuan dengan suami ibunya, ini dianggap sumbang mahram ataupun inses, perkara macam ini jika berlaku boleh hilang keberkatan dalam sebuah rumah tangga” (Responden 2)

Faktor kesihatan

Masalah kesihatan boleh menjadi penyumbang kepada krisis rumah tangga. Masalah seksualiti, ketiadaan zuriat dan tidak berpuas hati dengan zuriat boleh terjadi dalam sebuah rumah tangga, jika tidak dikendalikan masalah tersebut dengan bijak serta bertolak ansur maka krisis rumah tangga boleh terjadi. Menurut Haji Mohd (2003), jika pihak suami menghidap penyakit dan membuatkan ia susah untuk mencari nafkah bagi keluarganya serta melayani isterinya, begitu juga pihak isteri jika sakit terlanter dan tidak mampu melahirkan zuriat, perkara seperti ini boleh

menjadi punca berlaku krisis rumah tangga jika tidak dikendalikan dengan bijak dan tolak ansur. Responden menyatakan hal yang sama bahawa pasangan akan mudah tertekan dan kecewa jika masalah seperti zuriat tidak dikendalikan dengan baik. Maka suami isteri perlu bertolak ansur dalam apa jua keadaan untuk menghadapi perkara yang tidak diingini iaitu perceraian. Menurut Textor (1989), pelbagai sebab bermulanya ketidakpuasan hati dan kekecewaan pasangan yang boleh membawa kepada perceraian adalah seperti keperluan emosi yang tidak dipenuhi.

“Pasangan yang mengalami masalah zuriat umpamanya akan mudah merasa tertekan dengan keadaan mereka, dan akhirnya ia boleh menyebabkan perkara lain seperti timbulnya masalah kemurungan (depression)” (Responden 3)

Pelaksanaan kursus dan program kekeluargaan sebagai usaha mengurangkan permasalahan rumah tangga

Kursus Pra Nikah dijalankan untuk memberikan maklumat serta pendedahan awal kepada bakal suami isteri yang akan mendirikan rumah tangga dengan mengikut tuntutan syariat Islam. Inisiatif ini digerakkan adalah sebagai satu usaha untuk mengurangkan permasalahan dalam rumah tangga (Kementerian Hal Ehwal Ugama KHEU, 2021).

Manakala kursus pasca perkahwinan dilaksanakan bagi mereka yang sudah mendirikan rumah tangga. Adapun tujuan ia diadakan adalah bagi mendokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Masehi 2002 " *Institusi Kekeluargaan Islam adalah lebih tepat untuk menjadi asas pembinaan masyarakat ...* ". Di samping merealisasikan objektif BKNK sendiri iaitu mengurangkan kadar perceraian dengan membantu orang ramai dalam menangani isu rumahtangga dan mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan.

BKNK telah menjalankan pelan strategik kursus Program Pembangunan Keluarga Islam JHES dan KHEU yang *berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar*. Tujuannya adalah untuk meningkatkan dan mengukuhkan jalinan persefahaman, kepimpinan serta kewibawaan sesebuah institusi keluarga. Antara sasaran peserta yang menyertai kursus ini adalah pasangan yang telah berkahwin 3 tahun ke atas. Pegawai Daerah Temburong dalam ucapannya menjelaskan punca yang mendorong terjadinya permasalahan dalam rumah tangga di daerah Temburong antaranya tiada persefahaman di antara suami isteri, pengabaian tanggungjawab/nafkah serta curang kepada pasangan iaitu mempunyai hubungan luar dan keganasan. Oleh itu, Kursus Pasca Perkahwinan ini diharap akan dapat menjadi wadah perbincangan bagi membina sebuah keluarga yang harmoni seperti yang telah ditekankan dalam pendekatan Islam serta menjana sahsiah peribadi yang unggul sebagai ayah dan ibu dalam pendidikan anak-anak (Haji Abdul Karim, 2016).

Manakala di Daerah Tutong kursus Pasca Perkahwinan berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong. Seramai 22 pasangan telah menyertai Kursus tersebut anjuran bersama Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, JHES dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong. Kali pertama kursus ini diadakan adalah pada 15 Oktober 2012 hingga 17 Oktober 2012 di Daerah Brunei dan Muara merupakan ‘Pilot Kursus’ iaitu Kursus Percubaan. Melihat kepada sambutan menggalakkan dari orang ramai dari Pilot Kursus Pasca tersebut, maka kursus tersebut dilaratkan ke Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Brunei dan Muara. Secara rasionalnya kursus tersebut dapat memberi ilmu pengetahuan, pengalaman, *tips* dalam pelbagai sudut mencakupi penghayatan keagamaan dalam berkeluarga, kesihatan, undang-undang keluarga yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam dan juga aspek kewangan. Selain itu juga, ianya dapat memberi kesedaran dan motivasi tentang

tanggungjawab dan peranan ibu bapa yang sebenar bagi mewujudkan sebuah keluarga bahagia (Ibrahim, 2016). Berikut merupakan statistik pengendalian program Kursus Pasca Perkahwinan dari tahun 2012 sehingga 2022.

Jadual 4: Statistik pengendalian program Kursus Pasca Perkahwinan (2012-2022)

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016	2021	2022	Jumlah
Daerah								
Brunei Muara	1	2	0	1	0	<i>Secara Webinar</i>	1	5
Belait	0	0	1	0	0		0	1
Tutong	0	0	1	0	1		0	2
Temburong	0	0	0	1	0		0	1
Jumlah	1	2	2	2	1	1	1	10

Sumber: Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga BKNK (2022)

Menurut kenyataan Pegawai daripada pihak BKNK, Kursus Pasca Perkahwinan hanya dilaksanakan secara atas talian pada tahun 2021 disebabkan berlakunya penularan wabak Covid-19, dan kursus tersebut dilaksanakan selama dua hari iaitu pada 20 hingga 21 Disember (Junaidi, 2021). Berdasarkan jadual 4 di atas, kursus pasca perkahwinan dilihat tidak begitu kerap dijalankan dalam satu tahun. Sepanjang tahun 2012 hingga tahun 2022, hanya sepuluh kali kursus tersebut dijalankan, walhal kursus pasca perkahwinan itu adalah sama kepentingannya dengan kursus pra nikah cuma apa yang membezakan antara keduanya adalah kursus pasca perkahwinan lebih fokus memberikan kursus berkaitan pemantapan ilmu keluarga Islam kepada pasangan yang telah berkahwin.

Cadangan

Kajian ini mencadangkan untuk mewujudkan sebuah panel kajian sosial umat Islam. Panel kajian sosial umat Islam ini akan fokus berbincang dan membuat kajian serta menjalankan kaji selidik terhadap punca sebenar pasangan suami isteri mengalami perselisihan. Menurut laporan BKNK, apa yang dicatat dalam menyediakan statistik aduan masalah rumah tangga adalah aduan klien itu sendiri (BKNK, 2021). Ini menunjukkan aduan yang diterima di BKNK, hanya berasaskan kepada aduan yang diterima daripada pasangan. Namun, pasangan boleh sahaja tidak menyatakan sebab sebenar berlakunya krisis rumah tangga di dalam borang aduan atas sebab untuk memenuhi syarat keperluan penyediaan proses aduan.

Justeru itu, untuk mencari punca masalah sebenar (*antecedent factor*) berlakunya krisis rumah tangga dalam sebuah perkahwinan yang belum dapat dikenal pasti, dicadangkan untuk mewujudkan panel kajian sosial umat Islam khusus untuk mengkaji penyebab sebenar berlaku krisis rumah tangga serta mengenal pasti faktor pemangkin kepada ketidaksefahaman antara suami isteri diharap mampu direalisasikan. Dengan cara ini, akan dapat membantu pihak BKNK untuk menjalankan serta menyediakan program yang khusus dan bersesuaian berdasarkan kepada faktor pemangkin yang berlaku di kalangan masyarakat Brunei. Sementara itu, oleh kerana program yang telah diadakan oleh pihak BKNK hanya memfokuskan kepada pasangan yang sudah berkahwin bagi tempoh 3 tahun, dicadangkan program ini sentiasa dimantapkan dan diberikan kepada pasangan yang telah berkahwin bagi tempoh 3 tahun ke atas sebagai inisiatif untuk mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan serta mengurangkan kadar perceraian pasangan Islam di negara ini.

KESIMPULAN

Peningkatan perceraian dan berleluasanya fenomena krisis rumah tangga, boleh menyebabkan keclaruan dan salah tafsir tentang fungsi dan peranan BKNK, JHES. Fenomena sebegini dianggap suatu tren yang serius dan membimbangkan. Pelbagai faktor didapati boleh menjadi punca berlaku keretakan rumah tangga.

Sementara itu, BKNK telah berusaha memainkan peranannya sejak penubuhannya dalam usaha untuk mengendalikan krisis rumah tangga dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai masalah perceraian dan krisis rumah tangga sejak awal lagi iaitu sebelum berkahwin dengan cara memberikan nasihat melalui Kursus Pra Nikah. Begitu juga pemantapan institusi keluarga melalui Kursus Pasca Perkahwinan untuk membina institusi keluarga Islam yang harmoni dan menitikberatkan hak dan kewajipan suami isteri. Seterusnya, sehinggalah ke peringkat sebelum pasangan bercerai akan diberikan khidmat nasihat keluarga untuk mencapai perdamaian. Oleh yang demikian, strategi pemerkasaan BKNK dalam menguruskan krisis rumah tangga dilihat merangkumi daripada peringkat awal sebelum berkahwin sehinggalah pasangan menghadapi krisis rumah tangga. Hakikatnya kebolehpayaan dan kejayaan BKNK mendamaikan pasangan merupakan satu pencapaian yang terhasil daripada keberkesanan pengurusan krisis rumah tangga.

Melalui penerangan isu yang telah dikupas di dalam penulisan ini juga, dilihat sudah sampai masanya sebuah agensi berlandaskan agama Islam dan pelbagai pihak terlibat membuat anjakan paradigma ke arah memperkasakan program kekeluargaan dengan memberikan pendedahan khusus terhadap usaha penyaluran ilmu pengetahuan, terutama ilmu agama, ilmu komunikasi rumah tangga, ilmu psikologi dalam rumah tangga, pengamalan serta meningkatkan amal ibadah merupakan salah satu langkah efektif bagi membendung masalah rumah tangga sekali gus perceraian dalam kalangan pasangan suami isteri.

RUJUKAN

- Akta Undang-Undang Keluatga Islam (Penggala 217). Retrieved from https://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LAWS/ACT_PDF/I/CHAPTER%20217.pdf
- Abd. Majid, M. & Saleh Hudin, M., S., Z. (2017). Trend dan faktor Perceraian rumah tangga di Negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015. *Al-Irsyad*, 2(2), 40-53.
- Al-Ashqar, U. S. (2006). *Qanun al-Ahwal al-Shakhsiyyah al-Urduni*. Jordan: Dar al-Nafa'is li Nasyr wa al-Tawzi.
- Asghar, A., & Jelili, Y. (2018). LGBT: An evaluation of sharia provision and the laws of Malaysia and Nigeria. *Global Journal Al-Thaqafah*, 8(1), 15-29.
- Awang Haji Besar, A. H. S. (2021). *Keluarga sakinah mawaddah warrahmah*. Paper presented at Mu'tamar Antarabangsa Fiqh al-usrah 2021 (Muafiq), Negara Brunei Darussalam Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Azlan Othman. (2020, Jun 9). Jumlah pengguna internet negara meningkat. *Media Permata*. Retrieved from <https://mediapermata.com.bn/jumlah-pengguna-internet-negara-meningkat-2/>
- Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK). (2021, November 12). *Statistik jumlah dan sebab aduan Mal/ masalah rumah tangga*. KHEU, BKNK, Brunei Darussalam.

- Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK). (2022, Februari 23). *Statistik pengendalian program Kursus Pasca Perkahwinan 2012-2022*. KHEU, BKNK, Brunei Darussalam.
- Bahagian Penyelidikan Mahkamah Rayuan Syariah. (2022, September 17bah). *Statistik pendaftaran perceraian di mahkamah-mahkamah syariah seluruh negara mengikut pecahan daerah dari tahun 2016 hingga 2021*. Mahkamah Syariah, Brunei Darussalam.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77-101.
- Braun, V. & Clarke, V. (2017). Thematic analysis. *The Journal of Positive Psychology*, 12(3), 297–298.
- Carrol, J., & Doherty, W. (2003). Evaluating the effectiveness of premarital prevention programs analytic review of outcome research. *Family Relation: An Interdisciplinary Journal of Applied Family Studies*, 52(2), 105-118.
- Che Ismail, H. (2006). *Panduan membentuk istana bahagia*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Cherni, R. (2013). Strategi komunikasi dalam mengatasi konflik rumah tangga mengenai perbedaan tingkat penghasilan di Rt.29 Samarinda Seberang. *EJournal Ilmu Komunikasi*, 1(1), 212-227.
- Coleman, J. D., & Cressey, D. R. (1993). *Social problems*. Los Angeles, LA: Longman.
- Corbin, Strauss, J. D., & Anselm. (2008). *Basics of qualitative research 3E*. California: Sage Publication.
- Dew, J. P., & Stewart, R. (2012). A financial issue, A relationship issue, or both? examining the predictors of marital financial conflict. *Journal of Financial Therapy*, 3(1), 43-61.
- Dickinson, G., & dan Leming, M. (1995). *Understanding families*. Harcourt and Brace Co.
- Dollahite, C., D., Lambert, & M., N. (2007). Forsaking all others: How Religious involvement promotes marital fidelity in Christian, Jewish, and Muslim couples. *Review of Religious Research*, 48(3), 290-307.
- Haji Abdul Karim, H. (2016, Mac 24). Kursus Pasca Perkahwinan Kukuhkan Persefahaman Rumah tangga. *Pelita Brunei Jabatan Penerangan*. Retrieved from https://issuu.com/pacisasak/docs/pelita_brunei_-_sabt_u_28_mac_2015
- Haji Ismadi, N., Mat Hussin, M., N., & Abdullah, R. (2019). Analisis persepsi pihak berkuasa agama terhadap permasalahan kufu dalam perkahwinan masyarakat melayu Negara Brunei Darussalam. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 124 – 143
- Haji Mohd, S. Z. (2003). Rundingcara: Jalan mengatasi masalah keluarga. *Majalah Sinar Rohani*. Retrieved from chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.sppim.gov.my/pdf/panduan/RUNDINGCAR_A-Jalan_Mengatasi_Masalah_Keluarga.pdf Statistik Perceraian. (2016-2020). Bahagian Penyelidikan Mahkamah Syariah.
- Haji Yussof, R. H. (2018). Pembubaran perkahwinan di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Negara Brunei Darussalam. (Unpublished master's thesis). Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam.
- Ibrahim, D. V. M. (2016, November 1). Jabatan Penerangan.

- Junaidi, Y. (2021, Disember 17). Webinar kursus pasca perkahwinan. *Media Permata*. Retrieved from <https://mediapermata.com.bn/webinar-kursus-pasca-perkahwinan-20-disember-ini/>
- Kausyliene, A., CikataVICIENE, Z., & Leliugiene, L. (2015). The need for professional social support of the families undergoing divorce. *Social Welfare: Interdisciplinary Approach*, 5(1), 32-45. DOI:10.15388/sw.2012.28250
- Kementerian Hal Ehwal Ugama KHEU (2021, September 23). Khidmat Nasihat Keluarga Mengenal BKNK. Retrieved from <https://www.mora.gov.bn/SiteCollectionDocuments/BKNK/Mengenal%20BKNK.pdf>
- Ledermann, T., Bodenmann, G. R., & Bradbury, T. (2010). Stress, communication and marital quality in couples. *Family Relations*, 59(2), 195-206.
- Lexy, J. M. (2018). *Metodologi penelitian kualitatif*. Bandung, Indonesia : PT Remaja Rosdakarya
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a thematic analysis: A practical, step-by-step guide for learning and teaching scholars. *All Ireland Journal of Higher Education (AISHE-J)*, 9(3), 3351-33514.
- Majid, M., Abu Bakar, S., Yusof, M., & Mansor, N. (2020). Pendekatan mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu. *Approach in Managing Conflict in A Polygamous Household*, 5(1), 253-265.
- Mazlan, A. M. (2010). Kesalahan-kesalahan matrimoni dalam kes perceraian di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah: Kajian di Mahkamah Syariah di Negeri Selangor Darul Ehsan. (Unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Noah, S. (2002). *Design of research: Philosophy, theory, and practice*. Serdang, Malaysia: UPM Publication.
- Benokraitis, N. V. (1995). *Marriages and families: Changes, choices and constraints*. Prentice Hall Higher Education
- Othman, A., & Aziz, A. (2004). *Fenomena sumbang mahram di kalangan masyarakat Islam di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Rahman, M. S. (1993). *Undang-undang keluarga Islam: Aturan perkahwinan; Suatu pendekatan berdasarkan amalan semasa*. Shah Alam, Malaysia: Hizbi.
- Robinson, L. C. (1994). Religious Orientation in enduring marriage: An exploratory study. *Review of Religious Research*, 32(3), 207-217.
- Sang, M. S. (2009). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Selangor, Malaysia: Penerbitan Multimedia.
- Shabuddin, N. S., Johari, N., Abdullah, N., Aziz, S. (2016). Perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (paidhl): Eksplorasi faktor. *Malaysian, Journal of Social Science*, 1, 36-52.
- Sofri, D. (2010). Incompatibility culprit in most divorces. Retrieved from <http://www.bt.com.bn/news-national/2010/03/25/incompatibility-culprit-most-divorces>
- Textor, P. M. (1989). Schoolism and eclecticism. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 12(1), 9-12.

- Wan Mohamad Sahran, A. A. (2021, Jun 15). Kesan buruk keganasan rumah tangga. *Pelita Brunei Jabatan Penerangan Brunei*.
- World Health Organization (WHO) (2001). *Urban violence and health determinants and management*. Retrieved from <https://apps.who.int/violence-info/country/BN/>
- Yusof, M. (2017). *Masalah, strategi daya tindak dan keperluan mangsa keganasan rumah tangga wanita melayu di Pulau Pinang*. (Doctoral Dissertation, Universiti Sains Malaysia, Malaysia). Retrieved from chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/http://eprints.usm.my/47940/1/MASALAH%2C%20STRATEGI%20DAYA%20TINDAK%20DAN.pdf%20cut.pdf
- Zahrah, A. (1957). *Al-ahwal al-syakhsyiyah*. Al-Qaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.haji bes
- Zaini, Y. (2014). *Undang-undang menangani orang ketiga dalam rumah tangga: Satu sorotan dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri Selangor dan Undang-Undang Keluarga Sivil*. Paper presented at the International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014).